

29 MAY 2001

Penulis-Anugerah

ISMAIL HUSSEIN TERIMA ANUGERAH BUDAYA DI INDONESIA

Oleh: Adnan Jahaya

MEDAN, 29 Mei (Bernama) -- Ketua Satu Gabungan Penulis Nasional (Gapena) Prof Tan Sri Ismail Hussein diberi penghargaan oleh masyarakat Melayu di sini yang memberikan anugerah budaya yang membawa gelaran "Datuk Dharma Wangsa" kepadanya.

Anugerah disampaikan oleh Timbalan Yang Dipertua Persatuan Masyarakat Melayu Sumatera Utara, Tengku Nordin pada majlis perasmian Dialog Utara ke-9 di Istana Maimoon di sini malam tadi.

Ismail, 68, yang telah 30 tahun memimpin Gapena menerima sepasang persalinan pakaian adat termasuk tengkolok dan keris panjang.

Dialog yang menghimpunkan kira-kira 200 penulis, sasterawan dan budayawan dari utara Sumatera, utara Malaysia dan selatan Thailand dirasmikan oleh Gabenor Sumatera Utara, Tengku Rizal Nordin.

Dalam ucapannya, Tengku Rizal berharap pertemuan itu dapat dimanfaatkan oleh para peserta bagi meningkatkan kekuatan budaya serumpun.

Ismail pula berkata dialog itu adalah perintis kerjasama budaya antara Malaysia, Indonesia dan Thailand dan telahpun disusuli oleh program seumpamanya seperti Dialog Selatan dan Dialog Borneo.

Dialog Utara ke-10 pada tahun depan akan diadakan di Pulau Pinang yang menjadi tuan rumah pertama dialog itu pada 1982, katanya.

Ismail berkata Dialog Utara diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melancarkan satu pertemuan budayawan Melayu di Melaka pada 1982.

Para peserta termasuk 90 dari Malaysia hari ini berlepas ke Padang Sedimpuan, kira-kira 350 kilometer dari sini. Dialog lima hari itu akan diadakan di sana esok.

Penyelaras dialog, Drs Shafwan Hadi Umry berkata dialog itu akan merumuskan pelbagai perkara bertujuan meningkatkan hubungan budaya di kawasan pertumbuhan segi tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

-- BERNAMA

AD AZZ MOZ